

BAB 8

PENUTUP

8.1 Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan terdapat strategi-strategi perbualan tertentu yang digunakan oleh P dan juga para peserta untuk mengambil giliran bercakap. P tidak bermasalah untuk mengambil giliran kerana P berfungsi sebagai orang yang berhak mengawal aliran perbualan. Sebaliknya, para peserta lain yang ingin mengambil giliran akan meminta persetujuan dari P atau penutur semasa terlebih dahulu. Penutur yang lebih tegas akan membuat celahan dan merampas giliran dan ia biasanya dilakukan oleh peserta yang lebih tinggi jawatan di dalam parti atau yang lebih berumur. Celahan biasanya dilakukan pada jeda penutur semasa tanpa menunggu penutur semasa menghabiskan giliran terlebih dahulu.

Celahan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu celahan yang merupakan gangguan dan celahan yang bukan merupakan gangguan. Celahan bukan sahaja digunakan untuk merampas giliran tetapi juga untuk menyokong, memberi persetujuan atau memberi idea kepada penutur semasa. Celahan dilakukan oleh kedua-dua kumpulan parti politik. Peserta dari kumpulan parti politik yang

sama dengan penutur semasa membuat celahan untuk memberi persetujuan, menyokong dan memberi idea. Manakala peserta dari kumpulan parti politik yang berlawanan dengan penutur semasa membuat celahan untuk merampas giliran, memberi tekanan dan bercakap serentak supaya ujaran penutur semasa tidak jelas.

Celahan yang dilakukan berulang kali menyebabkan pertindanan berlaku. Namun bukan semua celahan menyebabkan pertindanan kerana pertindanan berlaku hanya apabila kedua-dua pihak tidak mengalah dan meneruskan ujaran masing-masing. Pertindanan juga berlaku di hujung ujaran penutur semasa dan di awal ujaran penutur kedua. Ini disebabkan percakapan serentak, di mana penutur kedua yang telah mengenal pasti kemungkinan TRP penutur semasa akan memulakan ujarannya tanpa menunggu ujaran terakhir penutur semasa. Pertindanan ini berlaku sekejap sahaja kerana penutur semasa sudah selesai memberi mesejnya kepada pendengar.

Kuasa juga ditunjukkan dengan cara membuat celahan, mencuba untuk bercakap dengan lebih lama, mengganggu ujaran dan menggunakan kata yang agak kasar. Kuasa ditunjukkan oleh peserta yang kanan, berumur dan peserta yang memegang jawatan tertinggi sesebuah parti politik.

Terdapat satu penemuan yang agak menarik kerana dapatan ini tidak menyokong teori Morita (1995) yang menyatakan penutur asli bahasa Jepun bercakap dengan sopan, menggunakan bahasa hormat dan tidak terus-terang. Di dalam kajian ini terdapat seorang peserta bercakap dengan terus terang dan agak kasar seperti yang telah dibincangkan di dalam Bab 4. Walaupun ini merupakan kes terpencil namun satu kajian masih perlu bagi membuktikan sama ada penutur asli bahasa Jepun pada zaman *millennium* ini secara beransur-ansur telah mula menggunakan bahasa yang lebih mudah difahami dan meninggalkan sedikit demi sedikit sifat bahasanya yang kaya dengan perkataan yang mempunyai konotasi ketidakpastian dan merendah diri.

Jika berdasarkan pengalaman penulis kecenderungan bangsa Jepun untuk mengemukakan pendapat secara lebih terbuka adalah benar. Ini kerana beberapa orang pelajar Universiti Chuo, Jepun ‘menolak’ apabila penulis menggunakan bahasa yang ‘tidak sopan’ terhadap mereka walaupun penggunaannya adalah dibenarkan mengikut peraturan bahasa itu. Mereka telah memberitahu penulis supaya menggunakan ayat yang lebih sopan. Sedangkan penulis sepatutnya ‘layak’ atau ‘boleh’ menggunakan ayat sedemikian, memandangkan seseorang yang bertaraf lebih tinggi, iaitu penulis yang pada masa itu merupakan pensyarah, boleh menggunakan ujaran atau perkataan tersebut kepada seseorang yang lebih rendah kedudukannya (iaitu pelajar).

Bagi mengekalkan giliran bercakap pula, penutur semasa akan bercakap cepat antara predikat dengan predikat atau ayat dengan ayat, menggunakan intonasi tinggi pada hujung sesuatu ayat, mengubah kata kerja akhir menjadi bentuk *te* atau *shi* dan menambahkan kedua-duanya dengan *desune*. Peserta juga menggunakan kata penyambung seperti *de*, *soshite*, *mou hitotsu* dan sebagainya bagi tujuan yang sama.

Penutur semasa menutup perbualan dengan menggunakan kata kerja penutup seperti *to omoimasu*, *to kangaemasu* dan sebagainya (bermaksud ‘saya rasa’ atau ‘saya fikir’), serta penggunaan ujaran *hai*, *haa* dan *hoo* (bermaksud ‘ya’) sebagai penutup atau kesimpulan kepada ujaran-ujarannya. Manakala P menghantar mesej secara tidak langsung kepada penutur semasa supaya menutup perbualan dengan memberi *aizuchi hai* dan *naruhodo*.

Aizuchi mempunyai peranan yang amat penting di dalam perbualan bahasa Jepun dan kekerapan penggunaannya begitu tinggi. Secara purata, 11.8 *aizuchi* dikeluarkan bagi setiap satu minit ujaran di dalam perbualan berkumpulan dan 13.7 *aizuchi* bagi setiap satu minit ujaran di dalam perbualan perorangan.

Di dalam kajian ini, pendengar memberi *aizuchi* kepada penutur semasa pada setiap empat sehingga enam saat ujaran penutur semasa. Dan ternyata *aizuchi* merupakan unit yang paling asas di dalam perbualan bahasa Jepun.

Aizuchi bukan sekadar bertindak sebagai pelincir perbualan semata-mata tetapi turut menghantar isyarat supaya penutur semasa menutup ujaran.

Dapatan kajian menunjukkan dengan jelas bukan sahaja corak-corak pengambilan giliran di dalam bahasa Jepun tetapi juga kekerapan dan kepentingan dan fungsi *aizuchi* di dalam perbualan bahasa itu.

Kita juga dapat melihat budaya tidak terus-terang penutur mereka seperti penggunaan kata kerja yang mempunyai konotasi ketidakpastian, seperti *to omoimasu* dan *to kangaemasu* ('saya rasa' atau 'saya fikir'). Penggunaan ungkapan, *mua*, *anou*, *ee*, *soudesune* yang tidak mempunyai makna yang khusus tetapi berfungsi untuk melengahkan masa ujaran dan mempunyai konotasi ketidakpastian turut digunakan dengan kerap.

8.2 Implikasi untuk Kajian Selanjutnya

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kajian pengambilan giliran agak kerap dikaji oleh pengkaji tempatan dan luar negara. Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa sememangnya terdapat dua jenis celahan iaitu celahan yang merupakan gangguan dan celahan yang bukan merupakan gangguan. Di dalam tesis ini oleh kerana subjek kajian adalah ahli politik yang berlawanan ideologi, memang terdapat unsur-unsur gangguan yang dilakukan oleh para peserta ini terhadap peserta lain yang berlawanan parti politik. Manakala peserta dari

Aizuchi bukan sekadar bertindak sebagai pelincir perbualan semata-mata tetapi turut menghantar isyarat supaya penutur semasa menutup ujaran.

Dapatan kajian menunjukkan dengan jelas bukan sahaja corak-corak pengambilan giliran di dalam bahasa Jepun tetapi juga kekerapan dan kepentingan dan fungsi *aizuchi* di dalam perbualan bahasa itu.

Kita juga dapat melihat budaya tidak terus-terang penutur mereka seperti penggunaan kata kerja yang mempunyai konotasi ketidakpastian, seperti *to omoimasu* dan *to kangaemasu* ('saya rasa' atau 'saya fikir'). Penggunaan ungkapan, *maa*, *anou*, *ee*, *soudesune* yang tidak mempunyai makna yang khusus tetapi berfungsi untuk melengahkan masa ujaran dan mempunyai konotasi ketidakpastian turut digunakan dengan kerap.

8.2 Implikasi untuk Kajian Selanjutnya

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kajian pengambilan giliran agak kerap dikaji oleh pengkaji tempatan dan luar negara. Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa sememangnya terdapat dua jenis celahan iaitu celahan yang merupakan gangguan dan celahan yang bukan merupakan gangguan. Di dalam tesis ini oleh kerana subjek kajian adalah ahli politik yang berlawanan ideologi, memang terdapat unsur-unsur gangguan yang dilakukan oleh para peserta ini terhadap peserta lain yang berlawanan parti politik. Manakala peserta dari

kumpulan yang sama pula membuat celahan untuk menyatakan sokongan atau persetujuan bagi mengukuhkan lagi hujah penutur semasa.

Sebenarnya adalah amat menarik jika ada pengkaji lain yang dapat menjalankan kajian pengambilan giliran terhadap ahli politik Melayu atau Malaysia bagi membandingkan dapatannya dengan dapatan kajian penulis. Ini mungkin membolehkan dapatan yang berlawanan atau sama dengan penulis, bukan sahaja dari segi celahan tetapi juga dari segi struktur perbualan atau strategi-strategi yang digunakan oleh para peserta bagi mengambil giliran, mengekalkan giliran atau menutup giliran.

Apabila dibandingkan dengan kajian Tanaka (2000) yang mengkaji perbualan perorangan seharian, kita dapat melihat perbezaan yang nyata, iaitu terdapat cara dan strategi yang berlainan dengan dapatan kajian penulis. Oleh itu adalah penting untuk seseorang pengkaji mempelbagaikan konteks kajian, bukan sahaja dari segi bahasa yang berlainan tetapi mungkin juga para peserta, tempat diskusi, topik diskusi dan sebagainya. Ini merupakan langkah yang amat penting bagi memperkembangkan ilmu kita mengenai bahasa dan masyarakat yang menuturkannya.

Selain dari itu, pengkaji boleh juga mengkaji analisis perbualan melalui *aizuchi* yang dikeluarkan oleh pendengar. Kita sepatutnya mengkaji dengan lebih terperinci mengenai *aizuchi* ini bukan sahaja dari segi kekerapan atau

jumlah tetapi juga jenis-jenis dan fungsi-fungsi *aizuchi* yang terkandung di dalamnya. Ini merupakan satu kajian yang amat menarik untuk dikaji oleh pengkaji bahasa lain atau bahasa Jepun juga. Dapatan kajian nanti akan menyemarakkan lagi perbincangan mengenai analisis perbualan dan akan menambahkan pengetahuan kita mengenai sesuatu masyarakat bahasa di dunia ini.